



## PENGARUH IKLIM UNIVERSITI TERHADAP PRESTASI AKADEMIK DAN TINGKAH LAKU PROSOSIAL DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI

SITI FATIMAH MOHAMMAD AFANDI DAN YULITA\*

Fakulti Pembangunan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

\*Corresponding author: yulita@umt.edu.my

Received: 29 June 2024

Accepted: 30 July 2024

<http://doi.org/10.46754/umtjur.v6i3.423>

Published: 15 July 2024

**Abstrak:** Iklim universiti merujuk persepsi yang dikongsi bersama berkaitan dengan polisi, amalan dan prosedur dalam persekitaran sesebuah universiti. Iklim universiti mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap hasil pembelajaran dan tingkah laku pelajar, namun kesan secara serentak masih lagi dikaji secara berasingan. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji peranan iklim universiti terhadap prestasi belajar dan tingkah laku prososial melalui sokongan belajar, semangat belajar dan motivasi prososial. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif diari pelbagai tahap dan dianalisis menggunakan perisian Hierarchical Linear Modeling (HLM) versi 8.0. Data dikumpul daripada 76 pelajar Universiti Malaysia Terengganu (76 responden \* 2 minggu \* 3 hari = 456 data diari) dengan enam set soal selidik diari yang telah dilengkapkan dalam tempoh dua minggu. Analisis menunjukkan iklim universiti mempunyai hubungan yang signifikan dengan sokongan belajar harian, manakala sokongan belajar harian mempunyai hubungan yang signifikan dengan semangat belajar harian serta motivasi prososial harian. Dalam kaitannya dengan analisis penengah, hasil kajian juga mendapat bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara iklim universiti dengan semangat belajar harian dan juga antara iklim universiti dengan motivasi prososial harian melalui sokongan belajar harian. Tambahan lagi, semangat belajar harian menjadi penengah hubungan antara sokongan belajar harian dengan prestasi belajar harian, manakala motivasi prososial harian menjadi penengah hubungan antara sokongan belajar harian dengan tingkah laku prososial harian. Secara keseluruhannya, dapatkan kajian menunjukkan peranan iklim universiti yang sangat penting sebagai faktor penentu bukan sahaja terhadap peningkatan prestasi belajar, tetapi juga turut menyumbang kepada tingkah laku prososial.

Kata kunci: Iklim universiti, sokongan belajar, semangat belajar, prestasi belajar, motivasi prososial, tingkah laku prososial.

### THE IMPACTS OF UNIVERSITY CLIMATE ON ACADEMIC PERFORMANCE AND PROSOCIAL BEHAVIOUR AMONG UNIVERSITY STUDENTS

**Abstract:** University climate is defined as a shared perception regarding policies, practices, and procedures within a university setting. It has significant influences on students' behaviour and study-related outcomes, yet its simultaneous impacts were studied separately. The main objective of this study was to examine the role of university climate on learning performance and prosocial behaviour through study resources, study engagement and prosocial motivation. This study employed a multilevel diary quantitative approach and was analysed using Hierarchical Linear Modeling (HLM) software. Data were collected from 76 Universiti Malaysia Terengganu students (76 respondents \* 2 weeks \* 3 days = 456 diary data), with six sets of diary questionnaires completed over two weeks. The results showed that university climate had a significant relationship with daily study resources, while daily study resources had significant relationships with daily study engagement and daily prosocial motivation. In relation to the mediational pathways, the results showed significant relationships between university climate and daily study engagement and also between university climate and



*daily prosocial motivation through daily study resources. Furthermore, daily study engagement mediated the relationship between daily study resources and daily study performance, and daily prosocial motivation mediated the relationship between daily study resources and daily prosocial behaviour. Overall, the study findings indicate the crucial role of university climate as a determining factor not only in the improvement of study performance but also contributes to prosocial behaviour; confirming the role-dualism of university climate.*

**Keywords:** University climate, study resources, study engagement, study performance, prosocial motivation, prosocial behaviour.

## Pengenalan

Iklim universiti dalam persekitaran pendidikan telah diiktiraf secara meluas sebagai elemen penting yang mempengaruhi pencapaian akademik, kesejahteraan emosi dan sosial, serta kesihatan pelajar (Zysberg & Schwabsky, 2021; Han & Rideout, 2022; Tomaszewski *et al.*, 2023). Iklim universiti yang baik mencerminkan pengalaman pelajar yang positif di samping menggalakkan persekitaran pembelajaran yang menyokong kesejahteraan serta kejayaan pelajar (Darling-Hammond & Cook-Harvey, 2018; Manzano-Sánchez *et al.*, 2021; Grazia, 2022). Oleh itu, usaha untuk meningkatkan kualiti iklim universiti adalah penting dan perhatian yang sewajarnya perlu diberikan untuk mengekalkan kualiti iklim persekitaran yang baik.

Secara amnya, iklim boleh ditakrifkan sebagai persepsi yang dikongsi bersama yang berkaitan dengan polisi, amalan dan prosedur dalam sesbuah organisasi (Reichers & Schneider, 1990). Terma iklim boleh dispesifikkan lagi dengan merujuk keadaan iklim sesuatu tempat, seperti iklim di tempat kerja yang dikenali sebagai iklim organisasi. Begitu juga dalam konteks pendidikan, istilahnya dikenali sebagai iklim sekolah untuk mewakili iklim di sekolah (Keefe *et al.*, 1985) atau iklim universiti untuk mewakili iklim di universiti. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan istilah “iklim universiti” kerana memfokuskan persekitaran universiti dan kesannya terhadap pelajar universiti.

Kajian-kajian lepas mengenai iklim dalam institusi pendidikan telah mendapati kedua-dua kesan secara langsung mahupun tidak langsung terhadap pelajar (Larson, 2020; Marraccini *et al.*, 2020; Grazia & Molinari, 2021; Grazia,

2022). Namun begitu, kajian-kajian sedia ada masih kurang menekankan bagaimana iklim boleh menjelaskan perkara yang berlaku di universiti seperti sokongan belajar dan sokongan emosi daripada pensyarah dan rakan sebaya. Oleh itu, kajian ini memberikan penekanan kepada kesalinghubungan tidak langsung iklim universiti terhadap semangat belajar dan prestasi akademik melalui sokongan belajar secara serentak.

Selain itu, tingkah laku prososial juga merupakan salah satu aspek penting yang perlu diberikan perhatian dalam persekitaran universiti, dan ini telah ditunjukkan bahawa kebanyakannya dipengaruhi oleh motivasi prososial (Schott *et al.*, 2019; Kil *et al.*, 2022). Secara umumnya, motivasi prososial boleh ditakrifkan sebagai keinginan individu untuk melindungi dan mempromosikan kesejahteraan orang lain (Grant & Berg, 2012). Sementara itu, tingkah laku prososial merujuk tingkah laku sukarela yang bertujuan memberikan manfaat kepada orang lain tanpa mengharapkan ganjaran daripada mereka (Eisenberg *et al.*, 2006). Kajian-kajian lepas telah menunjukkan bahawa motivasi prososial mempunyai hubungan yang positif dengan tingkah laku prososial (Kil *et al.*, 2021; Collie, 2022). Namun, kaitannya secara spesifik dengan iklim universiti dan sokongan belajar dalam kalangan pelajar universiti masih lagi kurang diterokai. Oleh itu, kajian ini menekankan dua laluan positif dengan menitikberatkan sokongan belajar, semangat belajar dan motivasi prososial sebagai penengah dalam meramal kesan iklim universiti terhadap prestasi belajar dan tingkah laku prososial pelajar.



Kajian-kajian empirikal yang terdahulu berkenaan dengan iklim dalam persekitaran akademik hanya menekankan kajian keratan rentas (Maxwell *et al.*, 2017) dan juga sedikit kajian longitudinal (Kanacri *et al.*, 2017; Grazia, 2022). Perkara ini turut dibuktikan oleh beberapa tinjauan literatur sistematik dan meta-analisis (Thapa *et al.*, 2013; Wang & Degol, 2016; Marraccini *et al.*, 2020). Walau bagaimanapun, kajian keratan rentas tidak mampu menjelaskan kesan hubungan dalam jangka masa tertentu dan mempunyai masalah bias yang dikenali sebagai *common method variance* (Podsakoff *et al.*, 2012; Spector, 2019). Sementara itu, walaupun kajian longitudinal mampu mengisi kekurangan yang terdapat dalam kajian keratan rentas, namun penerokaan tersebut masih lagi tidak dapat menjelaskan perubahan impak dalam jangka masa yang lebih singkat (intensive longitudinal method atau shortitudinal), seperti beberapa minit, jam dan hari (Dormann & Griffin, 2015). Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah diari bagi membolehkan data dikumpulkan setiap hari atau beberapa kali dalam sehari untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat berkaitan dengan pengalaman dan persepsi individu yang dikaji (Iida *et al.*, 2012; Bolger & Laurenceau, 2013).

### ***Iklim Universiti dan Sokongan Belajar***

Persekutuan memainkan peranan penting dalam mempengaruhi diri seseorang individu. Secara umumnya, iklim universiti dapat didefinisikan sebagai persepsi yang dikongsi bersama berkaitan dengan ciri-ciri yang terdapat di dalam persekitaran pendidikan (Keefe *et al.*, 1985). Iklim universiti merujuk kualiti persekitaran universiti dalam jangka masa yang panjang, yang melibatkan perkongsian bersama antara ahli-ahli seperti pelajar, kakitangan akademik dan bukan akademik, serta komuniti termasuk ibu bapa dan penjaga. Selain itu, keutamaan diberikan kepada pelajar untuk meningkatkan produktiviti mereka berbanding dengan kepentingan ahli-ahli lain.

Sokongan belajar pula merupakan satu aspek pembelajaran yang sangat penting dalam usaha membantu pelajar agar sentiasa berada

dalam keadaan yang positif (Lesener *et al.*, 2020; Robayo-Tamayo *et al.*, 2020). Terdapat pelbagai sumber sokongan yang boleh diterima oleh seseorang individu, termasuklah dari segi emosi, instrumental dan maklumat (Taylor, 2011). Sokongan emosi melibatkan penyediaan hubungan yang mesra dengan orang lain dan keyakinan bahawa diri individu tersebut sebagai berharga dan orang lain turut mengambil berat terhadapnya. Sokongan instrumental pula melibatkan bantuan yang bersifat kelihatan (tangible) seperti bantuan perkhidmatan, kewangan dan lain-lain. Misalnya, membantu rakan sekelas yang sedang mengalami masalah ekonomi dengan menyediakan bantuan kewangan atau makanan. Sumber sokongan yang terakhir ialah sokongan maklumat yang merujuk maklumat yang disampaikan bagi membantu seseorang individu memahami situasi atau keadaan yang boleh mewujudkan tekanan dan memberikan langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk mengatasi keadaan sedemikian.

Dalam konteks pelajar universiti, sokongan belajar amat penting kerana dapat menyokong individu dari segi sokongan emosi, instrumental dan maklumat terutama daripada rakan dan juga pensyarah. Interaksi dan komunikasi yang baik antara individu dengan rakan dan pensyarah di universiti boleh melancarkan proses pembelajaran dan perjalanan kehidupan universiti (Sikorová *et al.*, 2019; Holliman *et al.*, 2021; van Zyl, 2021; Zhu *et al.*, 2022; Luan *et al.*, 2023). Oleh itu, bagi mewujudkan keadaan persekitaran yang menggalakkan ketersediaan sokongan, iklim universiti memainkan peranan penting dalam mewujudkan sokongan belajar terhadap pelajar. Perkara ini dapat dijelaskan dengan menggunakan teori Conservation of Resources (COR). Teori ini berdasarkan prinsip asas individu yang berusaha atau bermotivasi untuk mengekalkan, mendapatkan, melindungi dan menghargai sumber yang diperoleh (Hobfoll, 1989, 2001). Sumber ini ditakrifkan sebagai objek, keadaan, ciri peribadi, dan tenaga yang dihargai oleh seseorang individu. Sumber-sumber ini boleh digunakan sebagai alat untuk memperoleh sumber-sumber lain yang lebih banyak (Hobfoll, 1989).



Iklim universiti yang baik akan memberikan keutamaan kepada penyediaan sokongan terhadap pelajar. Sebagai contohnya, iklim universiti yang baik memberikan keutamaan kepada pentingnya hubungan yang baik antara warga universiti, rasa kesepuhaan yang tinggi, dan menyediakan keadaan yang kondusif bagi proses pengajaran dan pembelajaran. Beberapa kajian telah membuktikan bahawa iklim universiti menjadi faktor penentu kepada sokongan belajar dalam kalangan pelajar (Voight & Nation, 2016; Daily *et al.*, 2019; Grazia & Molinari, 2021). Oleh itu, Hipotesis 1 meramalkan:

**Hipotesis 1:**

Iklim universiti mempengaruhi sokongan belajar harian secara positif.

***Sokongan Belajar serta Hubungannya dengan Semangat Belajar dan Motivasi Prososial***

Semangat belajar dapat didefinisikan sebagai keadaan minda yang positif yang dicirikan oleh *vigour*, dedikasi, dan *absorption* (Schaufeli *et al.*, 2002; Carmona-Halty *et al.*, 2019). Secara umumnya, *vigour* merujuk tahap tenaga dan daya tahan mental yang tinggi semasa bekerja, kesediaan untuk berusaha dan bertahan dalam menghadapi kesukaran. Dedikasi pula merujuk penglibatan yang menyeluruh terhadap satu-satu perkara yang disertai dengan semangat yang jitu, dan perasaan bangga serta inspirasi yang tinggi. Dimensi yang terakhir bagi semangat belajar ialah *absorption* yang merujuk penumpuan yang penuh dan dicirikan oleh ketidakmampuan individu bagi melepaskan diri daripada belajar (Schaufeli *et al.*, 2002).

Hubungan antara sokongan belajar dengan semangat belajar dapat dijelaskan dengan menggunakan konsep *motivational pathway* daripada model Study Demands-Resources (SD-R) (Lesener *et al.*, 2020). Sokongan belajar mempunyai elemen motivasi yang meningkatkan perkembangan dalam pembelajaran dan keperibadian, serta elemen motivasi ekstrinsik yang mempunyai sokongan bersifat instrumental, membolehkan seseorang individu mencapai matlamat yang diinginkan.

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa peningkatan sokongan kepada seseorang individu akan meningkatkan motivasi mereka untuk melaksanakan tugas atau menyelesaikan sesuatu perkara (Lesener *et al.*, 2020; Robayo-Tamayo *et al.*, 2020; Holliman *et al.*, 2021; Luan *et al.*, 2023).

Selain semangat belajar, sokongan belajar turut menjadi faktor penentu motivasi individu yang mampu memberikan impak positif terhadap motivasi prososial. Secara umumnya, motivasi prososial dapat didefinisikan sebagai keinginan untuk mengambil berat, melindungi dan membantu orang lain (Grant & Berg, 2012). Berpandukan teori COR (Hobfoll, 1989; 2001), sokongan belajar dapat dikategorikan sebagai satu sumber yang penting bagi pelajar. Apabila pelajar menerima sokongan daripada pensyarah dan rakan-rakan, mereka akan merasa bahawa diri mereka dihargai dan diutamakan oleh orang di sekeliling. Ini kemudiannya membolehkan mereka mempunyai keinginan untuk perkara yang sama terhadap orang lain (Guo *et al.*, 2017; Li *et al.*, 2019). Dalam konteks harian, perkara ini boleh dipupuk dalam diri individu dan mampu meningkatkan motivasi prososial. Oleh itu, hipotesis 2 dan 3 meramalkan:

**Hipotesis 2:**

Sokongan belajar harian meningkatkan semangat belajar harian.

**Hipotesis 3:**

Sokongan belajar harian meningkatkan motivasi prososial harian.

***Kesan Semangat Belajar serta Motivasi Prososial terhadap Prestasi Belajar dan Tingkah Laku Prososial***

Secara umumnya, semangat belajar merupakan salah satu faktor penentu kejayaan prestasi pembelajaran seseorang pelajar (Bakker *et al.*, 2015; Šverko & Babarovic, 2019). Prestasi belajar boleh didefinisikan sebagai penilaian pencapaian pembelajaran dan kemampuan pelajar (York *et al.*, 2019). Pelajar universiti mempunyai semangat belajar yang tinggi, berteknologi, berdedikasi dan sangat menumpukan perhatian dalam melakukan sesuatu tugas.



Oleh itu, semangat belajar ini memainkan peranan yang sangat penting bagi memastikan prestasi belajar pelajar adalah cemerlang (Delfino, 2019; Carmona-Halty *et al.*, 2021). Oleh itu, hipotesis 4 meramalkan:

Hipotesis 4:

Semangat belajar harian meningkatkan prestasi belajar harian.

Tingkah laku prososial pula merupakan tingkah laku yang mengutamakan kesenangan dan kesejahteraan orang lain (Eisenberg *et al.*, 2006). Motivasi bagi tingkah laku prososial bukan sahaja dipengaruhi oleh sebab positif seperti faktor moral, tetapi juga dapat dipengaruhi oleh sebab-sebab tertentu untuk mendapatkan ganjaran. Dalam konteks kajian ini, pengkaji menekankan motivasi prososial yang positif bagi mempengaruhi tingkah laku prososial dalam kalangan pelajar universiti. Tindakan yang diambil dengan niat “altruistik” untuk menolong atau memberikan manfaat tanpa mengambil kira ganjaran terhadap diri sendiri. Tingkah laku prososial bukan sahaja dianggap sebagai “altruistik”, namun turut berkait dengan hubungan keupayaan sosiokognitif, hubungan empati tindak balas ataupun reaksi emosi terhadap tingkah laku prososial, suasana positif dan kondusif, dan turut melibatkan persekitaran (Eisenberg & Spinrad, 2014; Spinrad & Eisenberg, 2019). Oleh itu, hipotesis 5 meramalkan:

Hipotesis 5:

Motivasi prososial mempengaruhi tingkah laku prososial.

***Peranan Penengah Sokongan Belajar, Semangat Belajar dan Motivasi Prososial terhadap Prestasi Belajar dan Tingkah Laku Prososial***

Peranan sokongan belajar, semangat belajar dan motivasi prososial sebagai penengah telah

terbukti secara konsisten dalam literatur. Perkara ini dapat dijelaskan dengan menggunakan teori COR (Hobfoll, 1989, 2001) bahawa iklim universiti yang baik akan memastikan persekitaran dengan sokongan sentiasa tersedia. Pelajar yang mendapat sokongan yang memadai pula boleh merasakan diri mereka dihargai sehingga menjadi lebih bersemangat untuk belajar dan juga mempunyai keinginan atau motivasi untuk bertingkah laku secara positif. Kemudiannya, hal ini boleh mempengaruhi peningkatan prestasi belajar dan juga tingkah laku prososial. Tambahan lagi, dengan mengambil kira keseluruhan hipotesis-hipotesis di atas, kedua-dua tuntutan belajar dan sumber belajar meramalkan sokongan belajar dan seterusnya mempengaruhi prestasi belajar dan tingkah laku prososial pelajar. Kajian terdahulu telah menunjukkan sokongan belajar, semangat belajar dan motivasi prososial sebagai penengah dalam hubungan pengantaraan antara iklim universiti, prestasi belajar dan tingkah laku prososial (Bakker *et al.*, 2015; Castanheira *et al.*, 2016; Schott *et al.*, 2019; Padilla-Walker *et al.*, 2020; Robayo-Tamayo *et al.*, 2020). Oleh itu, hipotesis 6 hingga hipotesis 9 mencadangkan bahawa:

Hipotesis 6:

Sokongan belajar menjadi hubungan penengah antara iklim universiti dengan semangat belajar.

Hipotesis 7:


Sokongan belajar menjadi hubungan penengah antara iklim universiti dengan motivasi prososial.

Hipotesis 8:

Semangat belajar menjadi hubungan penengah antara sokongan belajar dengan prestasi belajar.

Hipotesis 9:

Motivasi prososial menjadi hubungan penengah antara sokongan belajar dengan tingkah laku prososial.



Rajah 1: Model kajian

## Metodologi Kajian

### Responden dan Prosedur

Data telah dikumpulkan dalam kalangan pelajar universiti awam di Pantai Timur, Semenanjung Malaysia. Selepas mendapat persetujuan untuk terlibat dalam kajian secara sukarela, responden diminta untuk menandatangani borang persetujuan termaklum. Setiap responden melengkapkan enam set soal selidik diari untuk dijawab sebanyak tiga kali dalam dua minggu berturut-turut pada hari Ahad, Selasa dan Khamis. Ketetapan waktu ini adalah selepas mereka menamatkan kelas mengikut jadual kuliah masing-masing. Secara keseluruhan, terdapat 76 orang pelajar universiti yang telah turut serta dalam kajian ini. Bilangan sampel ini telah diiktiraf sebagai mencukupi untuk penyelidikan diari pelbagai tahap (Maas & Hox, 2005). Sebanyak 456 maklumat diari (76 responden \* 2 minggu \* 3 hari) telah dikumpulkan dan digunakan bagi menguji hipotesis-hipotesis yang telah disediakan.

Responden kajian terdiri daripada 55 orang pelajar perempuan (72.4%) dan 21 orang pelajar lelaki (27.6%). Umumnya, majoriti responden merupakan pelajar tahun tiga iaitu 55 orang (72.4%). Manakala, peserta daripada tahun satu dan tahun dua ialah seramai 14 orang (18.4%) dan 7 orang (9.2%). Majoriti responden merupakan bangsa Melayu (90.8%) dan yang beragama Islam adalah seramai 70

orang (92.1%). Sementara itu, responden yang beragama Buddha seramai 3 orang (3.9%), Hindu seramai dua orang (2.6%), dan Kristian pula hanya seorang (1.3%).

### Instrumen Kajian

Soal selidik yang digunakan telah diadaptasi daripada soal selidik sedia ada yang mempunyai kesahan yang tinggi. Soal selidik berbahasa Inggeris yang digunakan ialah *Western-developed*, dan telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu menggunakan kaedah *back-translation* (Brislin, 1970). Kesemua item diukur dengan menggunakan skala Likert 5 mata yang bermula daripada 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju).

Iklim universiti diukur menggunakan 22 item daripada William dan Deci (1996). Instrumen tersebut terdiri daripada lima dimensi, iaitu hubungan pelajar-pensyarah (4 item: "Pelajar dan pensyarah berasa seronok bersama"), hubungan sesama pelajar (lima item: "Pelajar saling membantu"), rasa kesepuangan (lima item: "Saya lebih suka berada di universiti ini"), keadilan interpersonal (tiga item: "Di universiti, hukuman adalah adil") dan iklim pendidikan (lima item: "Di universiti, saya benar-benar boleh belajar dan mendapat pendidikan



yang baik”), dengan nilai kebolehpercayaan,  $\alpha = 0.93$ .

Sokongan belajar harian diukur menggunakan empat item sokongan rakan dan empat item sokongan pensyarah yang diadaptasi daripada Job Content Questionnaire (JCQ) (Karasek *et al.*, 1998) yang telah diuji kesahannya dalam konteks Malaysia (Rusli *et al.*, 2008). Contoh soalan ialah “Pada hari ini, rakan-rakan saya mengambil berat tentang saya” dan contoh soalan bagi sokongan pensyarah ialah “Pada hari ini, pensyarah saya memberikan bantuan pembelajaran kepada saya”, dengan nilai kebolehpercayaan  $\alpha = 0.75$ .

Semangat belajar harian diukur menggunakan sembilan item daripada The Utrecht Work Engagement Scale for Students (UWES-9S) (Carmona-Halty *et al.*, 2019). Instrumen ini mengandungi tiga dimensi yang mengukur *vigour* (tiga item: “Hari ini, apabila bangun pagi saya berasa ingin pergi ke kelas”), dedikasi (tiga item: “Hari ini, saya bangga dengan kerja yang saya lakukan”) dan *absorption* (tiga item: “Hari ini, masa berlalu dengan cepat apabila saya belajar”) dengan nilai kebolehpercayaan  $\alpha = 0.69$ .

Motivasi prososial harian diukur menggunakan lima item daripada Grant dan Sumanth (2009). Contoh soalan tersebut ialah “Hari ini, saya menjadi lebih bertenaga dengan mengerjakan tugas yang berpotensi memberi manfaat kepada orang lain”, dengan kebolehpercayaan  $\alpha = 0.73$ .

Prestasi belajar harian diukur menggunakan enam item daripada Hochwarter *et al.* (2006). Contoh soalan tersebut ialah “Hari ini, saya berusaha untuk memenuhi tarikh akhir tugas/kerja pembelajaran saya”, dengan kebolehpercayaan  $\alpha = 0.78$ .

Tingkah laku prososial harian diukur menggunakan 10 item Prosocialness Scale for Adults (Caprara *et al.*, 2005). Contoh soalan tersebut ialah “Hari ini, saya berbesar hati membantu rakan dalam aktiviti mereka”, dengan kebolehpercayaan  $\alpha = 0.82$ .

### Strategi Analisis

Data telah dianalisis dengan menggunakan perisian HLM student versi 8.0 (Raudenbush *et al.*, 2019). Sebelum ujian hipotesis dijalankan, peringkat data diari (Tahap 1) mewakili diari data individu untuk semangat belajar, motivasi prososial, prestasi belajar, dan tingkah laku prososial. Data tersebut akan diagregatkan ke Tahap 2 mewakili data individu bagi iklim universiti. Bagi menguji hipotesis 1 hingga hipotesis 5, analisis akan dijalankan secara regresi antara pemboleh ubah bebas dan terikat. Sementara itu, bagi hipotesis 6 hingga hipotesis 9, data akan dianalisis mengikut Mathieu dan Taylor (2007) bagi pemodelan analisis penengah rentas tahap (cross-level mediation). Kemudiannya, pengujian hubungan penengah diuji dengan menggunakan metode Monte Carlo pada <http://www.quantpsy.org/medmc/medmc.htm> (Selig & Preacher, 2008).

### Dapatkan Kajian

Jadual 1: Min (*M*), sisihan piawai (*SD*), dan korelasi antara pemboleh ubah

Bil.	Pemboleh ubah	<i>M</i>	<i>SD</i>	1	2	3	4	5	6
1	Iklim universiti	4.25	0.51		0.54***	0.58***	0.59***	0.62***	0.48***
2	Sokongan belajar harian	4.23	0.62	0.45***		0.76***	0.80***	0.84***	0.83***
3	Semangat belajar harian	3.99	0.84	0.45***	0.62***		0.85***	0.90***	0.85***
4	Motivasi prososial harian	4.23	0.72	0.46***	0.61***	0.69***		0.87***	0.91***
5	Prestasi belajar harian	4.11	0.64	0.51***	0.70***	0.70***	0.70***		0.88***
6	Tingkah laku prososial harian	4.14	0.69	0.42***	0.70***	0.68***	0.77***	0.76***	

Note. Below diagonal is the diary-level correlation ( $n = 456$  diary data points); above diagonal is the individual-level correlation ( $n = 76$  individuals); \* $p < 0.05$ ; \*\* $p < 0.01$ ; \*\*\* $p < 0.001$  (two-tailed)



Jadual 1 melaporkan nilai Min ( $M$ ), sisihan piaawai ( $SD$ ) dan korelasi antara perboleh ubah. Ringkasan dapatan kajian secara keseluruhan boleh dilihat pada Jadual 1.

Hipotesis 1 meramalkan bahawa iklim universiti mempengaruhi sokongan belajar harian. Analisis menunjukkan bahawa pengaruh iklim universiti terhadap sokongan pelajar harian adalah signifikan dengan  $\gamma = 0.54$ ,  $SE = 0.11$ ,  $p < 0.001$  (Jadual 2, Model 2). Oleh itu, hipotesis 1 diterima.

Hipotesis 2 meramalkan bahawa sokongan belajar harian meningkatkan semangat belajar harian adalah signifikan dengan  $\beta = 0.71$ ,  $SE = 0.06$ ,  $p < 0.001$  (Jadual 3, Model 2). Analisis bagi Hipotesis 3 juga mendapati bahawa terdapat kesan positif yang signifikan antara sokongan belajar harian dengan motivasi prososial, yakni  $\beta = 0.56$ ,  $SE = 0.07$ ,  $p < 0.001$  (Jadual 4, Model 2). Oleh itu, hipotesis 2 dan 3 diterima.

Hipotesis 4 meramalkan bahawa semangat belajar harian mempengaruhi prestasi belajar harian secara positif adalah signifikan dengan  $\beta = 0.35$ ,  $SE = 0.05$ ,  $p < 0.001$  (Jadual 5, Model 2). Tambahan lagi, hipotesis 5 meramalkan bahawa


motivasi prososial harian mempunyai kesan yang positif terhadap tingkah laku prososial harian dengan  $\beta = 0.48$ ,  $SE = 0.05$ ,  $p < 0.001$  (Jadual 6, Model 2). Oleh itu, hipotesis 4 dan 5 diterima.

Hasil ujian bagi analisis penengah menunjukkan bahawa iklim universiti memberikan kesan yang signifikan terhadap semangat belajar harian melalui sokongan belajar harian (95 peratus C.I., LL = 0.1967, UL = 0.5136) bagi hipotesis 6. Bagi hipotesis 7 pula, iklim universiti memberikan kesan yang signifikan terhadap motivasi prososial harian melalui sokongan belajar harian (95 peratus C.I., LL = 0.1453, UL = 0.4056). Tambahan lagi, hasil ujian bagi Hipotesis 8 menunjukkan bahawa sokongan belajar harian memberikan kesan yang signifikan terhadap prestasi belajar harian melalui semangat belajar harian (95 peratus C.I., LL = 0.1193, UL = 0.2719). Bagi hipotesis 9, sokongan belajar harian memberikan kesan yang signifikan terhadap tingkah laku prososial harian melalui motivasi prososial harian (95 peratus C.I., LL = 0.1536, UL = 0.3286). Oleh itu, kesemua hipotesis penengah bagi kajian ini adalah diterima.

Jadual 2: Analisis pelbagai tahap dalam meramal sokongan belajar harian

Tahap dan Pemboleh Ubah	Model 1	Model 2
Tahap 1		
Intercept	4.23(0.06)***	1.92(0.46)***
Tahap 2		
Iklim universiti		0.54(0.11)***
Variance components		
Within-individual (L1) variance	0.14	0.14
Intercept (L2) variance	0.24	0.16
Maklumat tambahan		
ICC(1)	0.63	
-2 log x likelihood	571.26	545.12***
Number of estimated parameters	3	4

Note: FIML = full information maximum likelihood estimation;  $n = 456$  diary data points (76 individuals); values in parentheses are standard errors; \*\*\* $p < 0.001$



Rajah 2: Model akhir

Jadual 3: Analisis pelbagai tahap dalam meramal semangat belajar harian

Tahap dan Pemboleh Ubah	Model 1	Model 2	Model 3	Model 4
Tahap 1				
Intercept	3.99(0.07)***	0.98(0.27)***	0.87(0.53)	-0.36(0.37)
Sokongan belajar harian		0.71(0.06)***		0.64(0.07)***
Tahap 2				
Iklim universiti			0.73(0.13)***	0.39(0.11)***
<i>Variance components</i>				
Within-individual (L1) variance	0.34	0.30	0.34	0.30
Intercept (L2) variance	0.36	0.14	0.22	0.11
Maklumat tambahan				
ICC(1)	0.51			
-2 log x likelihood	953.41	846.58***	922.06	831.50***
Number of estimated parameters	3	4	4	5

Note. FIML = full information maximum likelihood estimation; n = 456 diary data points (76 individuals); values in parentheses are standard errors; \*p < 0.05; \*\*p < 0.01; \*\*\*p < 0.001

Jadual 4: Analisis pelbagai tahap dalam meramal motivasi prososial harian.

Tahap dan Pemboleh Ubah	Model 1	Model 2	Model 3	Model 4
Tahap 1				
Intercept	4.23(0.06)***	1.86(0.28)***	1.49(0.47)	0.54(0.33)
Sokongan belajar harian		0.56(0.07)***		0.49(0.07)***



Tahap 2					
Iklim universiti				0.64(0.11)*** 0.37(0.09)***	
<i>Variance components</i>					
Within-individual (L1) variance	0.24	0.23	0.24	0.23	
Intercept (L2) variance	0.27	0.10	0.16	0.08	
<i>Additional information</i>					
ICC(1)	0.53				
-2 log x likelihood	804.32	722.77***	772.34	703.05***	
Number of estimated parameters	3	4	4	5	

Note. FIML = full information maximum likelihood estimation; n = 456 diary data points (76 individuals); values in parentheses are standard errors; \*p < 0.05; \*\*p < 0.01; \*\*\*p < 0.001

Jadual 5: Analisis pelbagai tahap dalam meramal prestasi belajar harian

Tahap dan Pembeloh Ubah	Model 1	Model 2	Model 3	Model 4	Model 5	Model 6	Model 7	Model 8
Tahap 1								
Intercept	4.12(0.06)***	2.70(0.21)***	1.81(0.23)***	1.28(0.20)***	1.37(0.45)**	0.42(0.32)	1.08(0.31)***	0.44(0.25)
Semangat belajar harian		0.35(0.05)***		0.27(0.05)***			0.33(0.05)***	0.25(0.05)***
